



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 20 BIL 20 TAHUN 2021

KEBENARAN PENGAMBILAN BARANG PERIBADI DI RESIDEN PELAJAR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

Merujuk kepada Mesyuarat Jawatan Kuasa Task Force Pengurusan Pelajar Bil 15/2021 yang diadakan pada 30 Ogos 2021.

2. Mesyuarat bersetuju memberi kebenaran kepada pelajar untuk mengambil barangan peribadi yang masih terdapat di Residen Pelajar. Para pelajar hendaklah mematuhi syarat-syarat pengambilan barang seperti berikut:

- 2.1 Kebenaran ini adalah terhad kepada pelajar yang **telah lengkap pengambilan 2 dos vaksin**.
- 2.2 Bagi pelajar luar Pahang, urusan kebenaran rentas negeri diuruskan oleh pelajar. Pihak universiti tidak akan mengeluarkan sebarang surat sokongan bagi tujuan tersebut. Manakala bagi pelajar dalam Pahang rentas daerah adalah dibenarkan.
- 2.3 Waktu kemasukan ke kampus adalah bermula jam 8.30 pagi – 4.30 petang pada hari **Isnin hingga Jumaat sahaja**. Jika sekiranya pelajar ingin hadir di luar waktu yang ditetapkan. Sila berurusan dengan Pengetua Residen Pelajar yang berkenaan.
- 2.4 Setiap kenderaan yang memasuki kampus dikehendaki melapor diri di pintu masuk pengawal bagi semakan E-sijil vaksin, suhu badan dan imbas Kod QR My Sejahtera. Para pelajar/Ibu bapa yang didapati mempunyai gejala seperti demam, batuk dan selesema tidak dibenarkan memasuki kampus.
- 2.5 Tempoh maksima yang dibenarkan adalah 2 jam bagi proses pengambilan barang tersebut. Hanya pelajar SAHAJA dibenarkan untuk naik ke blok/bilik penginapan pelajar. Manakala Ibu bapa/Penjaga pelajar adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi bilik gerakan UMP seperti berikut. Kampus Gambang (09-5493333) dan UMP Pekan (09-4246999) atau melalui emel residen@ump.edu.my

Sekian Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah.



PROFESOR. MADYA. DR MANSOR BIN SULAIMAN

Dekan Perkhidmatan Pelajar

Tarikh: 2 September 2021

s.k Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi
Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan
Ketua Pustakawan
Penasihat Undang-Undang
Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan
Semua Staf Akademik dan Pentadbiran